



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 21 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	25,000 BENIH UDANG GALAH DILEPASKAN, JAGA SUNGAI KITA, BH -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	MUSTAPHA JOINS AGROBANK AS CHAIRMAN, BUSINESS/NEWS, NST -16	AGROBANK
3.	SISTEM AKAN LEBIH EFISIEN, EFEKTIF, NASIONAL, SH -7	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
4. 5.	SAWAH PADI JADI KEBUN PISANG, DALAM NEGERI, UM -29 BPN 2.0 WADAH SOKONGAN NELAYAN HADAPI TENGGUJUH, NASIONAL, BH -8	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

25,000 benih udang galah dilepaskan

Program di Sungai Kesang perkaya sumber, tambah pendapatan nelayan

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Jasin: Bagi memelihara sumber makanan, selain memperkaya stok hasil tangkapan nelayan, Sungai Kesang di Sungai Rambai, di sini, dipilih sebagai lokasi awal pelepasan 25,000 benih udang galah ke perairan umum.

Pemilihan 'sungai viral' yang jernih pada waktu tertentu dan dikatakan mempunyai buaya itu, adalah sebagai langkah awal kerajaan menerusi jabatan perikanan negeri untuk meningkatkan

pendapatan nelayan, di samping membolehkan kawasan itu sebagai destinasi pelancongan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata makanan laut menjadi sumber makanan terpenting sama seperti daging, namun atas beberapa faktor, sumber makanan laut menjadi semakin susut dan menyukarkan nelayan mencari rezeki.

Justeru, katanya, pelepasan ikan dan udang ke perairan umum menerusi Sungai Kesang itu adalah bagi membantu pertambahan sumber makanan pada



Ahmad (dua dari kiri) melepaskan anak udang galah di Sungai Kesang, Sungai Rambai. (Foto Amir Mamat/BH)

masa akan datang.

"Kerajaan sangat prihatin terhadap nelayan, khususnya bagi kategori tradisional, sebab itu, selain melepaskan ikan dan udang di Sungai Kesang ini, kita juga akan melancarkan program menabur benih kerang di sekitar perairan Melaka.

"Sebanyak 2.8 tan benih kerang ditabur di Perairan Sebatu dengan tujuan meningkatkan sumbu ber ekonomi nelayan, sekali gus

memberi manfaat kepada 120 nelayan di situ," katanya.

Ahmad yang juga Ahli Parlimen Jasin berkata, bagi mewujudkan ekosistem yang berfungsi sebagai satu santuani untuk meningkatkan produktiviti sumber perikanan, jabatan perikanan negeri terbabit secara langsung dalam menjalankan beberapa projek mega seperti melabuhkan 40 unit unjam di Perairan Permu hingga Umbai.

Mustapha joins Agrobank as chairman

KUALA LUMPUR: Agrobank yesterday announced the appointment of Datuk Mustapha Buang as the new non-executive chairman, effective on Nov 12.

The appointment has received approval from Bank Negara Malaysia and the Finance Ministry.

Mustapha is also Asian PAC Holdings Bhd managing director, a post he has held since January 2001.



He started his career as an economic planner with the Johor Economic Development Corporation in 1972.

Mustapha, who holds a bachelor's degree in Economics from Universiti Malaya, said he was pleased to join Agrobank.

"The 12th Malaysia Plan is expected to renew the drive towards agricultural industrialisation and take the country to the next level in ensuring the sustainability of food security and safety.

"I look forward to working with the board and our talented teams in Agrobank to provide better access to finance in our mission to provide full chain of financing to agriculture sector," he said.

Sistem akan lebih efisien, efektif

Program Ladang e-Satelit mampu bangunkan pertanian ke arah IR4.0

Oleh HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

Peruntukan RM10 juta bagi program Ladang e-Satelit yang diumumkan kerajaan menerusi Belanjawan 2021 kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mendapat maklum balas baik daripada ramai pihak terutamanya Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) serta penternak, petani dan juga peladang.

Peruntukan tersebut yang diberikan secara geran padanan sehingga RM30,000 kepada setiap Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) bagi tujuan pembelian peralatan pertanian berasaskan Internet of Things (IoT) termasuk dron, dijangka memanfaatkan lebih 300 PPK dengan keahlian hampir 1 juta petani dan peladang.

Ketua Pengarah LPP, Azulita Salim berkata, tumpuan utama program untuk mewujudkan lebih banyak Ladang e-Satelit Pertubuhan Peladang dan Usahawan Peladang menggunakan sistem serta peralatan teknologi moden pertanian berkonsepkan IoT.

Beliau berkata, dengan penggunaan teknologi IoT dan peralatan moden ini, ia dapat menjadikan projek pertanian itu lebih efisien dan efektif kerana berkonsepkan *precise and smart farming*.

Konsep ini sama seperti sistem pengairan baja dan juga racun yang terbukti berjaya dalam meningkatkan hasil pengeluaran, menjimatkan kos, mengurangkan tenaga kerja serta meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan.

"Sebagai contoh, PPK Kuala Langat telah melaksanakan penanaman cili fertigasi secara ladang e-Satelit yang menggunakan sistem teknologi IoT atau *smarts farming*. Pada masa yang sama, PPK Kuala Langat juga menyediakan latihan *hands-on*



Mohamad Azrul Haziq menunjukkan tanaman cili yang diusahakannya di kawasan Sabak Bernam yang masih belum mengguna pakai kaedah IoT.

kepada usahawan peladang dan petani mengenai tatacara untuk menggunakan sistem tersebut dengan lebih baik dan berkesan.

"Berdasarkan rekod yang diperoleh, seramai 1,200 peserta telah mengikuti kursus latihan secara *hands-on* pada tahun 2019 dan 480 peserta pada tahun ini sehingga setakat bulan September lalu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, konsep *seeing is believing* memberikan impak besar kepada kumpulan sasar yang berminat dan untuk makluman, latihan awal penggunaan sistem teknologi IoT atau *smarts farming* serta penggunaan dron ini kepada usahawan peladang akan dilakukan oleh pembekal pembekal berlesen yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.

Katanya, MAFI menerusi bahagian agensi di bawah Kementerian itu seperti BKLP dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yakin bahawa dengan menggunakan sistem teknologi IoT / *smarts farming* pada tahap

optimum ia mampu menambah dan meningkatkan kapasiti projek petani ke tahap komersial.

"Ini ditambah pula dengan normal baharu yang kini perlu diterima dan menjadi kebiasaan baharu kepada masyarakat petani di dalam industri pertanian," katanya.

Beliau harap program ladang e-Satelit akan dapat dimanfaatkan oleh peladang dan pertubuhan peladang, seterusnya dilihat selaras dengan hasrat kerajaan bagi membangunkan sektor pertanian ke arah Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Katanya, dengan menggunakan teknologi terkini dapat membantu peningkatan pengeluaran agromakanan, menjimatkan kos, mengurangkan tenaga kerja dan meningkatkan daya saing serta kualiti produk yang dihasilkan.

Peluang keemasan

Pengusaha tanaman timun, cili dan rock melon, Mohamad Azrul Haziq Zulkifli, 27, mengalu-alukan peruntukan kerajaan kepada MAFI untuk program ladang e-Satelit yang akan diberikan secara geran padanan

kepada setiap PPK sebagai keperluan pembelian peralatan pertanian berkonsepkan IoT.

Menurutnya, peruntukan ini akan dapat menggalakkan para petani, peladang mahupun penternak mengadaptasi teknologi baharu dalam pertanian mahupun ternakan yang dilakukan.

"Ia sangat bagus kerana dapat mendedahkan lebih ramai petani, penternak atau peladang dengan sistem IoT atau teknologi baharu ini, sekali gus dapat memajukan apa yang diusahakan di samping dapat mengurangkan penggunaan tenaga manusia.

"Melalui penggunaan teknologi ini, seseorang petani atau penternak itu boleh mengawal kaedah tanaman atau ternakan mereka tanpa perlu buat secara manual.

"Sebagai contoh, untuk tanaman rock melon yang diusahakan secara hidroponik di Jalan Kebun, Shah Alam, saya aplikasikan sistem IoT ini untuk mengawal kaedah pembajaan dan siraman air hanya meneru-

si telefon sahaja tanpa perlu berada di situ pada setiap masa. Ia sangat mudah dan menjimatkan masa," katanya.

Tambahnya, sesetengah pesawah di Sabak Bernam juga sudah menggunakan teknik dron untuk melakukan proses pembajaan dan diakui sangat membantu memudahkan kerja.

"Saya cadangkan PPK selaku ejen penghubung mewujudkan kelas khas bagi memberi pendedahan kepada para petani, peladang dan penternak tentang program e-Satelit serta cara untuk mengendalikan peralatan pertanian berasaskan IoT ini.

"Bagi golongan muda mungkin teknologi ini mudah difahami tetapi bagi golongan yang *old school*, mereka memerlukan masa untuk faham cara pengendalian peralatan," katanya.

Penternak ikan air tawar, Harun Ahmad, 57, juga melihat peruntukan tersebut sebagai satu inisiatif positif yang akan membawa bidang pertanian atau penternakan ke satu tahap yang lebih baik menerusi penggunaan teknologi moden.

"Saya sendiri masih melakukakan cara manual di kawasan Sabak Bernam ini dan dengan perkhabaran sebegini (peruntukan) mungkin akan dapat memberi peluang untuk saya mengadaptasikan kaedah teknologi moden dalam ternakan saya.

"Cuma saya berharap proses birokrasi dapat dikurangkan terutamanya untuk kami mendapat kemudahan yang diberikan kerajaan," katanya.



AZULITA



MOHAMAD AZRUL HAZIQ

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29



ABDUL Rahim Mansor di kebun pisang yang dlusahakannya di atas tanah bekas sawah Parit 8, Chenderong Balai, Sungai Manik, Pasir Salak, Perak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Sawah padi jadi kebun pisang

Oleh **AIN SAFRE BIDIN**
 utusannews@mediamulia.com.my

PASIR SALAK: Sistem pengairan yang tidak sempurna dan isu potongan harga padi yang tinggi mendorong seorang pesara polis di sini menukar tanah sawahnya seluas dua hektar kepada tanaman pisang.

Abdul Rahim Mansor, 65, mula mengusahakan tanaman pisang sejak 10 bulan lalu di atas tanah sawah peninggalan orang tuanya di Parit 8, Chenderong Balai, Sungai Manik dekat sini.

Katanya, dia yakin tanaman pisang mampu memberikan hasil yang lebih baik juga disebabkan beberapa masalah berkaitan kawasan sawah padi di Sungai Manik.

"Saya menukar tanah sawah kepada tanaman pisang atas be-

berapa faktor antaranya kos penanaman padi yang tinggi, isu pemotongan harga padi yang tinggi sehingga 25 peratus juga masalah pengairan di sini yang masih tidak selesai.

"Selain itu, padi kerap diancam serangga perosak dan modal untuk memulakan musim baharu menanam yang tinggi.

"Atas faktor itu, saya yang sebelum ini mengusahakan tanah sawah ini dengan tanaman padi, nekad menukar tanah ini kepada tanaman pisang," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Abdul Rahim, dia memilih menanam pisang kerana tanaman itu tidak memerlukan modal yang terlalu besar selain penjagaannya yang mudah.

Katanya, di atas tanah bekas

sawah tersebut dia menanam kira-kira 600 pokok pisang jenis berangan sehektar.

"Dalam tempoh 10 bulan, tanaman ini sudah boleh dijual namun harga pisang tidak menentu, bergantung kepada bekalan di pasaran.

"Harga biasanya lebih RM2 sekilogram namun setandan pernah mencecah harga sehingga RM30," katanya.

Menurutnya, penjagaan tanaman pisang juga lebih mudah manakala untuk baja, dia hanya menggunakan baja asas iaitu baja daun dan buah secara berperingkat yang tidak memerlukan modal yang banyak.

Katanya, bagi mendapatkan hasil yang baik, dia mengamalkan jarak tanaman empat hingga lima meter bagi setiap pokok.



Mohammad Zairi bersama ibunya, Noraini Mat Noor memungkah hasil laut di Pantai Kempadang, Kuantan. (Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

BPN 2.0 wadah sokongan nelayan hadapi tengkujuh

Insentif tunai beri kelegaan ketika hasil pendapatan tak menentu

Oleh T N Alagesh
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Tahun ini menjadi satu perjalanan hidup yang tidak menentu bagi nelayan, Zairi Zainal Abidin, 35 dari Kampung Kempadang di sini.

Ketika musim tengkujuh di Pantai Timur berakhir pada Februari lalu, beliau mula menjana pendapatan yang baik daripada hasil tangkapannya, namun pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebulan selepas itu mengubah keadaannya sekelip mata.

Diburukkan lagi dengan harga dan bekalan makanan laut yang tidak menentu, nelayan di sini kini menghadapi situasi yang mencabar.

Ketika ini, monsun akhir tahun hampir tiba. Justeru, bapa kepada seorang anak ini berkata, sebahagian besar nelayan yang terkesan dengan wabak COVID-19 dari seluruh kawasan itu berterima kasih atas inisiatif Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0) di bawah Kerangka Inisiatif Tambahan Khas: Kita Pr-

KitaPrihatin
Melayu bersatu membangun Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

Ini membantu kami dari kumpulan isi rumah berpendapatan rendah untuk mengatasi kesan wabak ini.

Luqmal Hakim Abdullah, Nelayan

ihatih yang diumumkan kerajaan pada 23 September lalu.

"Ini adalah tahun yang mencabar dan kami amat berterima kasih kepada kerajaan atas pemberian ini. Hasil tangkapan kami menurun dan jualanannya perlahan. Kebiasaannya sebelum ini (PKP), saya memperoleh sekitar RM500 sehari. Pada masa ini, agak sukar untuk meraih pendapatan RM100 sehari.

"Kerajaan negeri juga memberikan bantuan tunai dan barang keperluan. Bantuan BPN tentunya memberi sedikit kelegaan kepada nelayan dan bayaran itu membolehkan kami membuat persediaan yang diperlukan untuk menghadapi musim tengkujuh," katanya ketika ditemui di kampung itu.

Zairil menyifatkan bantuan

wang itu disalur tepat pada masanya iaitu ketika hampirnya musim tengkujuh, yang mana kebiasaannya nelayan tidak akan turun ke laut sebaliknya melakukan kerja di kampung atau mengumpulkan ketam nipah dan lokan.

Sementara itu, Luqmal Hakim Abdullah, 75, mengatakan dia akan mengasingkan wang tunai yang diterimanya daripada BPN 2.0 untuk membantu anaknya membuka sebuah gerai kecil menjual makanan di kampung bagi menyara keluarga.

Luqmal Hakim berkata, anaknya, Mohamad Safuan Luqmal Hakim, 32, banyak membantunya di laut, namun disebabkan waktu yang tidak menentu ketika ini, lebih baik untuk anaknya meneroka perkara baharu.

"Bantuan itu akan berguna untuk Safuan membuka perniagannya. Ini adalah masa sukar bagi ramai nelayan namun kami bersyukur kerana kerajaan memberikan bantuan tunai.

"Ini membantu kami dari kumpulan isi rumah berpendapatan rendah untuk mengatasi kesan wabak ini," kata bapa kepada enam anak itu.

Bayaran BPN 2.0 yang diagihkan menerusi dua peringkat mulai 19 Oktober serta Januari tahun depan.